



10 Ogos 2012  
10 August 2012  
P.U. (A) 252

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(PELABELAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN  
TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

*FEED (LABELLING OF FEED OR FEED ADDITIVE)  
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(PELABELAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN)  
2012

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Syarat-syarat pelabelan untuk makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan
3. Penalti

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN  
(PELABELAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN)  
2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(e) Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012**.

**Syarat-syarat pelabelan untuk makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan**

2. (1) Semua makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam bungkusan hendaklah dilabelkan dan mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) jenama produk;
- (b) negara pembuat;
- (c) jenis haiwan yang dirujuk dan tujuan penggunaan;
- (d) nama dan alamat pembuat termasuk pengimport, pengedar tunggal atau pengeluar;
- (e) jenis ramuan mentah;
- (f) sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk

"MENGANDUNGI (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini;

- (g) kandungan nutrien;
- (h) nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan;
- (i) takat pemasukan hormon;
- (j) nama dagang bahan aktif bagi bahan kimia lain;
- (k) berat bersih;
- (l) tarikh pembuatan; dan
- (m) tarikh luput.

(2) Butir-butir yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mudah dilihat, mudah dibaca dan kekal.

(3) Label tidak perlu dicetak atau dilampirkan kepada bahan pukal yang akan diimport, diedarkan atau disimpan tetapi hendaklah disimpan di pejabat simpanan atau mengiringi konsainan semasa pengangkutan.

### **Penalti**

3. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dibuat 3 Ogos 2012  
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

FEED ACT 2009

FEED (LABELLING OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulations

1. Citation
2. Conditions for labelling for feed or feed additive
3. Penalty

## FEED ACT 2009

## FEED (LABELLING OF FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 53(2)(e) of the Feed Act 2009 [Act 698], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Feed (Labelling of Feed or Feed Additive) Regulations 2012**.

**Conditions for labelling of feed or feed additive**

2. (1) Each feed or feed additive in packages shall be labelled and contain the following details:

- (a) brand name of the product;
- (b) country of manufacture;
- (c) type of animals for which it is intended and purpose of use;
- (d) name and address of the manufacturer including importer, sole distributor or producer;
- (e) type of raw ingredients;
- (f) where the feed contains porks, or its derivatives, or lard, a statement as to the presence in that feed of such pork, or its derivatives, or lard, in the form "CONTAINS (state whether pork, or its derivatives, or lard as the case may be)" or in other words to this effect;
- (g) nutrient contents;

- (h) trade name active ingredient of antibiotics, levels of inclusion and their withdrawal period;
- (i) levels of inclusion of hormones;
- (j) trade name active ingredient of other chemicals;
- (k) net weight;
- (l) date of manufacture; and
- (m) date of expiry.

(2) The particulars referred to in subregulation (1) shall appear conspicuous, legible and permanent.

(3) A label need not be printed on or attached to a bulk to be imported, distributed or stored but kept in the office of storage or accompanying a consignment during transportation.

### **Penalty**

3. Any person who contravenes any provisions of these Regulations shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding one year or both, and for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Made 3 August 2012  
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Minister of Agriculture and Agro-based Industry*